

Teraju mengubah pendekatan ekonomi bumiputera
Utusan Online
26 November, 2012
Oleh NURUL ANUAR KARI

ANTARA isu utama yang bakal menjadi perhatian perwakilan dan juga rakyat pada Perhimpunan Agung UMNO 2012 adalah pencapaian dan perancangan untuk ekonomi bumiputera.

Bukannya sesuatu yang baru, aspek ekonomi kaum bumiputera yang mewakili majoriti rakyat Malaysia telah lama digerakkan kerajaan sejak negara merdeka lagi tetapi hasilnya dilihat masih belum memuaskan.

Persoalan itu dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Husni Salleh bagi melihat sejauh mana perancangan ekonomi bumiputera digerakkan selepas lebih satu tahun unit itu ditubuhkan.

Beliau memaklumkan Teraju ditubuhkan pada Februari 2011 dan selepas lebih enam bulan perancangan unit itu telah menerbitkan buku *Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera* pada November tahun lalu.

"Selepas pelancaran buku itu, baru kita mulakan pelaksanaan pelbagai program untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi bumiputera bagi mencapai sasaran pada 2020. Malangnya, maklumat sedia ada juga hanya data lama, sekitar 2008, dan kerana itu kita sudah gerakkan kajian sendiri terhadap perkembangan ekonomi bumiputera," katanya.

Menurut beliau, maklumat semasa menunjukkan pegangan ekuiti bumiputera berada pada 23.09 peratus atau RM167 bilion sehingga 2010 tetapi umum perlu melihat lebih jauh daripada itu dalam aspek pendidikan, gaji dan faktor lain yang memberi kesan kepada ekonomi bumiputera.

Tambahnya, orang Melayu tidak boleh terkongkong kepada ekuiti sahaja memandangkan kaedah lama di bawah dasar terdahulu mahupun saham untuk bumiputera tidak bertahan apabila saham yang diberikan dijual sementara keuntungannya tidak tahu entah ke mana.

Beliau berpendapat, aspek lain juga perlu diteliti seperti bilangan, modal pusingan serta penyenaian syarikat bumiputera di bursa saham.

"Sekitar 37 peratus syarikat industri kecil dan sederhana adalah milik bumiputera dan daripada jumlah itu, 80 peratus cuma syarikat kecil yang tiada kemampuan mengambil ramai pekerja.

"Di bursa pula, hanya 15 peratus syarikat tersenarai milik bumiputera. Kalau jumlah syarikat besar bumiputera pun sedikit, macam mana mahu menolong syarikat-syarikat kecil pula," ujarinya.

Menurutnya lagi, kerana itu orang Melayu masuk ke syarikat bukan bumiputera tetapi gaji mereka tetap lebih rendah berbanding pekerja bukan Melayu dan di situ berlaku ketidakseimbangan kerana ekosistem perniagaan yang tidak lengkap.

Beliau turut berasa sedih dengan amalan sesetengah syarikat bumiputera yang mendapat sesuatu projek tetapi 'mengagihkannya' kepada syarikat bukan bumiputera sehinggakan 90 peratus perolehan projek serta pengalaman kerja dinikmati orang lain.

Husni turut melihat fokus bumiputera di pejabat dan agensi kerajaan, sebaliknya bilangan kakitangan bumiputera di syarikat multinasional (MNC) amat rendah.

"Gaji di MNC rata-rata lebih tinggi berbanding syarikat tempatan tetapi kita dapati kurang 15 peratus eksekutifnya adalah bumiputera. Antara alasan utama adalah pencapaian pendidikan orang Melayu yang dikatakan tidak mencapai tahap tinggi sejajar dengan gaji besar yang ditawarkan," jelasnya.

Tambahnya, terdapat juga perpecahan dalam aspek itu berikutan kecenderungan untuk orang Cina memilih pekerja Cina dan orang Melayu memilih pekerja Melayu.

"Jika ketua divisyen orang Cina, antara calon Melayu dan Cina (sama kelayakan), pekerja Cina yang akan dipilih. Saya dulu pernah dalam MNC juga, seorang sahaja bumiputera.

"Sektor awam gajinya tidak tinggi, macam mana kita mahu banding dan imbangkan dengan bukan bumiputera jika selaku rakyat majoriti, ramai yang berpendapatan lebih rendah," tegasnya.

Kerana itu katanya, program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (Teras) digerakkan agar syarikat bumiputera yang berkemampuan dapat bersaing bersama syarikat bumiputera lain mahupun syarikat bukan bumiputera.

"Dahulu, program lebih bersifat kuota, fokus kepada 30 peratus tetapi syarikat Teras diharap dapat menerap rasa sayang agar wujud kecenderungan untuk susah menjual aset bumiputera.

"Individu boleh menjual saham bila-bila masa, tetapi mereka yang memiliki dan menguruskan syarikat itu akan kekalkan pegangan majoriti agar terus dikuasai bumiputera," katanya.

Namun, beliau tidak mahu berlaku lagi pemberian sedikit demi sedikit projek kepada orang lain kerana apa yang dikehendaki adalah pencapaian terbaik.

"Persaingan antara syarikat bumiputera juga bukan untuk 'bunuh' pesaing, rebutlah peluang dalam projek dan program bernilai RM14 bilion yang disediakan. Ini penting untuk ajar mereka bersaing. Dalam perniagaan, kalau tidak boleh bersaing memang habis, tidak boleh harap bantuan kerajaan sahaja. Bila sudah kuat, boleh bersaing dengan orang lain pula," katanya.

Selain persaingan tempatan, Husni turut menyentuh aspek melebarkan sayap ke luar negara melalui program-program khas berikutan hanya sekitar lima peratus daripada modal pusingan syarikat bumiputera diperolehi daripada eksport atau operasi di negara lain.

"Kita tidak boleh tunggu mereka belajar bersaing sesama syarikat bumiputera dan bukan bumiputera tempatan sebelum fikir prospek ke luar negara, semua perlu dibuat serentak. Cari strategi, teknologi lebih baik, cari rakan niaga, buat usahasama. Tidak salah jalankan usahasama dengan pihak lain seperti untuk dapatkan peralihan teknologi kerana itu juga satu strategi untuk bersaing," ujarnya.

Beliau melihat masalah utama sebelum ini adalah kerana tidak ramai kalangan usahawan bumiputera mempunyai strategi yang bagus, sementara ada juga yang mengharap kerajaan memberi strategi kepada mereka.

Baginya, antara strategi bijak dan terbaik adalah untuk syarikat-syarikat kecil bumiputera bergabung membentuk sebuah entiti besar dan meningkatkan kemampuan secara bersama.

"Masalahnya, ramai orang Melayu tidak mahu berkongsi. Kita perlu ubah cara pemikiran ini, perlu ada kerjasama dengan orang lain. Jika bergabung, boleh beli stok barang yang banyak dan lebih murah, kewangan lebih besar, pendapatan lebih baik dan mungkin boleh disenaraikan di bursa saham," jelasnya.

Tambahnya, bagi mengelakkan pergantungan kepada kerajaan semata-mata, Teraju juga telah berinteraksi dengan bank-bank tempatan kerana dilihat tidak banyak memberi pinjaman kepada syarikat bumiputera atas masalah tertentu.

Dengan bantuan Teraju, Husni memaklumkan SME bank telah menyediakan Dana Teras berjumlah RM500 juta, sementara bank-bank lain dijangka menyusul dengan tawaran serupa.

"Selepas empat bulan, hampir separuh daripada peruntukan Dana Teras telah diluluskan sementara lebih 70 permohonan telah diluluskan dengan geran berjumlah RM180 juta di bawah Dana Mudah Cara untuk pelaburan 29 projek bernilai RM1 bilion.

"Untuk projek MRT Corp. pula, 47 peratus atau RM9 bilion daripada RM20 bilion nilai kontrak yang diluluskan adalah kepada 16 syarikat bumiputera dan ada antara syarikat itu telah membentuk rantai nilai untuk syarikat-syarikat bumiputera kecil di bawahnya," ujarnya.

Berkenaan pelaburan daripada pemegang tabung terbesar bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Tabung Haji (TH), beliau menjelaskan entiti tersebut tidak boleh melabur secara kecil-kecilan.

"Saiz tabung mereka sudah besar, tetapi terpaksa juga melabur dalam syarikat bukan bumiputera yang besar kerana perlu membayar dividen kepada pemegang saham bumiputera. Kerana itu kita mahu bentuk syarikat-syarikat bumiputera yang besar agar PNB, TH, Khazanah, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan seumpamanya dapat melabur," tegasnya.

Dengan kerjasama antara Teraju dan pemain utama agenda bumiputera negara, beliau berharap lebih banyak program baru dapat digerakkan untuk mengubah suasana agar ekonomi orang Melayu lebih mapan dan inklusif.

"Saya berharap semua pihak selari dalam menjaga kepentingan ekonomi bumiputera seperti diharapkan Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengetuai Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB).

"Kita mahu sesuatu yang boleh diukur bersama, bukan berasingan seperti dahulu. Kita mahu kumpul fakta keseluruhan, bukan ekuiti sahaja malahan pendapatan, harta, ekonomi dan sebagainya melalui program-program yang dijalankan itu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20121126/re_05/Teraju-mengubah-pendekatan-ekonomi-bumiputera